

# **KENYATAAN AKHBAR**

*Untuk siaran segera*

## **CLAB KINI SYARIKAT MILIK PENUH CIDB**

**KUALA LUMPUR, 8 Disember,** - Construction Labour Exchange (CLAB) telah dijadikan syarikat milik penuh CIDB berkuatkuasa 14 November 2017.

CIDB mengambil keputusan menjadikan CLAB syarikat milik penuhnya bagi memastikan CLAB memberi lebih penekanan dalam menempatkan pekerja mahir tempatan di dalam projek-projek pembinaan, kata Ketua Eksekutif CIDB Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid.

Beliau berkata selain itu, sebagai anak syarikat CIDB, CLAB juga diberi peranan menerajui usaha menyediakan beberapa Penempatan Pekerja Sementara (Construction Labour Quarters) yang mengikut standard yg ditetapkan untuk kegunaan industri pembinaan. Ini adalah salah satu inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) bagi memastikan pekerja pembinaan ditempatkan di penempatan sementara yang lebih sihat dan selamat.

CLAB ditubuhkan pada tahun 2003 oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan pendatang Tanpa Izin (JKKPA/PATI) sebagai sebuah pusat pemudah cara dalam pengambilan pekerja asing bagi sektor pembinaan.

Maklumat lanjut dan fungsi berkenaan CLAB boleh diperolehi di [www.clab.com.my](http://www.clab.com.my).

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

#### **CIDB Malaysia**

<i>Rakis Santa</i>	<a href="mailto:rakis@cidb.gov.my"><i><u>rakis@cidb.gov.my</u></i></a>	<i>012-620 0360 / 03-4047 7018</i>
<i>Noryani Ismail</i>	<a href="mailto:noryani@cidb.gov.my"><i><u>noryani@cidb.gov.my</u></i></a>	<i>019-285 6867 / 03-4047 7027</i>

**#####**